

# MRT Corp jamin bina terowong tak jejas hartanah

**K**UALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) semalam memberi jaminan kepada orang ramai, terutama pemilik tanah dan hartanah bahawa pembinaan projek kereta api itu tidak akan membahayakan hartanah mereka.

Ketika memberi jaminan itu, Pengarah Projek MRT Corp, Marcus Karakashian, berkata pelbagai langkah akan diambil untuk mengkaji infrastruktur hartanah sebelum pembinaan projek terowong MRT Sungai Buloh ke Kajang bermula.

Syarikat berkaitan kerajaan ditubuhkan untuk melaksanakan projek landasan kereta api sepanjang 51 kilometer itu, yang juga satu daripada projek terbesar negara di bawah Program Transformasi Ekonomi untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Bagaimanapun, MRT Corp menghadapi masalah dengan pemilik tanah dan hartanah di Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan (China Town) di sini.

Penghuni telah diminta untuk berpindah bagi tempoh maksimum enam bulan dengan pampasan yang saksama yang akan dibayar dalam tempoh itu.

“Kita akan lihat pada keadaan hartanah bagi sebarang kerosakan seperti retak, sama ada stabil, keadaan rasuk. Jika kami perlu melakukan apa-apa pembaikan, kami akan berbuat demikian, tidak ada niat merobohkan,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau menegaskan bahawa MRT Corp tidak mengambil risiko tetapi sensitif terhadap kebimbangan orang ramai.

Pemilik hanya perlu berpindah bagi kerja terowong bermula dan hartanah mereka tidak akan dirobuhkan atau diambil-alih.

“Kita perlu memastikan bangunan itu selamat dan jika retak atau sebarang kerosakan didapati pada hartanah itu, ia akan diperbetulkan sebelum projek pelaksanaan berlaku.

“Kami akan berbincang dengan pemilik-pemilik dan kita akan menyediakan salinan kaji selidik keadaan.

“Jika sebarang kerosakan muncul selepas kerja pembinaan terowong bermula, MRT Corp akan segera menangani atau membaiki kawasan bermasalah dengan kos akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak kami,” katanya.

Landasan MRT pertama yang mempunyai 31 stesen memerlukan kerja terowong melalui batu kapur karstic Lembah Klang, granit dan pembentukan Bukit Kenny. - BERNAMA